

FENOMENA EL NINO

Risiko kes denggi meningkat

Sinar Harian
15/3/16
m 15 37

Kitaran hidup nyamuk aedes lebih pantas ketika musim panas

MARLIA ZAKARIA

SHAHALAM—Orang ramai diminta lebih prihatin dalam usaha menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes di kawasan perumahan dan awam.

Pengarah Jabatan Kesihatan Majlis Perbandaran Klang (MPK), Azmi Muji berkata, ia penting kerana ketika musim panas, air takungan yang tinggal menggalakkan pembiakan nyamuk.

“Mungkin kes denggi boleh meningkat. Kalau boleh, kita elakkan dengan pastikan tiada tempat air bertakung.

“Periksa tayar-tayarkosong, pasu bunga dan sebagainya. Gunakan ubat jentik-jentik di tempat-tempat atau kawasan yang perlu,” katanya.

Menurutnya, pihak majlis bersama Pejabat Kesihatan

Daerah Klang turut mencari dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes di kawasan perumahan dan awam.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Dr Roslan Fadzil berkata, orang ramai diminta mengurangkan aktiviti luar dan minum air secukupnya berikutan cuaca panas El Nino dan fenomena ekuinoks pada 20 Mac ini.

“Elakkan juga duduk lama dalam kereta tanpa pasang pendingin hawa. Kurangkan minuman kafein, minum minuman isotonik, pakai pakaian ringan, terang dan longgar.

“Kenali tanda-tanda strok haba antaranya sakit kepala, hilang fokus, lidah bengkak, nadi berdenyut laju, suhu badan tinggi dan sebagainya,” katanya.

**DAROYAH**

Selain itu menurutnya, waktu panas juga menyebabkan nyamuk aedes lebih aktif daripada kebiasaan.

“Kitaran hidup pula lebih pantas. Tujuh hari kurang dari biasa untuk membiak, gigit 10 orang sehari berbanding empat atau lima orang pada musim hujan.

“Jaga kebersihan persekitaran, pastikan tiada tem-

**Orang ramai perlu membersihkan tempat yang boleh menjadi pembiakan nyamuk aedes.**

pat pembiakan nyamuk dan buang sampah secara betul,” katanya.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi turut menasihatkan orang ramai

sentiasa bersedia menjaga kesihatan diri dan keluarga.

“Dalam cuaca panas begini tiada sesiapa yang terlepas daripada risiko menjadi mangsa strok haba. Namun, mereka yang terlibat dengan

aktiviti luar dan terdedah lama, lebih berisiko.

“Minum banyak air kosong banyak tanpa menunggu rasa dahaga dan tidak mengira aktiviti fizikal yang dilakukan,” katanya.